

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Pakej Umrah Cinta Rasul bersama Rabbani
03 Sep 2010
Harian Metro
Variasi
N/A
Daily
324,097 / 1,981,000

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
V3
215 cm²
Full Color
6,182
18,547



Pakej Umrah Cinta Rasul bersama Rabbani

PADA 20 Disember hingga 2 Januari depan sekali lagi kumpulan nasyid Rabbani menganjurkan Pakej Umrah Cinta Rasul dengan kerjasama bersama TH Travel & Services Sdn Bhd.

Pengembaraan kali ini lebih istimewa kerana selain mengerjakan umrah dan berziarah di tempat bersejarah di Makkah serta Madinah, jemaah dibawa melawat Madain Saleh dan Taif.

Menurut Pengurus Besar (Pemasaran dan Jualan) TH Travel & Services, Mohd Badrulhisham Abdul Latif, kerajaan Arab Saudi memberi keistimewaan melawat kedua-dua tempat itu kepada umat Islam dari Malaysia, Singapura dan Brunei.

Mereka yang berminat menyertai pakej itu, boleh menghubungi talian 1800882033 atau 03-

26810817/0818.

"Madain Saleh yang terletak 400 kilometer di utara Madinah dulunya didiami kaum Samud. Mereka yang hidup pada zaman Nabi Salleh diperintahkan Allah taat kepada-Nya.

"Bagaimanapun, kaum itu mahu Nabi Salleh membuktikan baginda adalah utusan Allah. Maka Nabi Salleh membuktikannya dengan mengeluarkan unta betina bunting dari celah batu.

"Mereka tetap tidak yakin Nabi Salleh adalah utusan Allah dan mahu membunuh unta bunting itu. Akhirnya dua janda berjaya membunuh unta bunting itu.

"Dalam masa empat hari mereka tidak bertaubat dan Allah menurunkan balasan terhadap mereka," katanya.

Beliau berkata, kaum itu ingkar

di mana pada hari pertama wajah mereka bertukar jadi kuning, hari kedua merah, hari ketiga berwarna hitam dan akhirnya Allah musnahkan mereka.

"Oleh kerana kedudukan Madain Saleh jauh, jemaah akan bermalam di sana semalam," katanya.

Menurutnya, di kawasan itu ada stesen keretapi lama menghubungkan Madain Saleh dan Syria. Ia dibina pada zaman pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah selain ada telaga kaum Nabatiin dan batu menyerupai gajah.

Selain itu, jemaah umrah juga dibawa melawat Taif yang terletak 100 kilometer dari Kota Makkah. Di Taif, jemaah dibawa melawat Masjid Abdullah Al-Abbas, Masjid Bilal dan Masjid Kok (Masjid Siku).

"Ia dinamakan Masjid Kok kerana ada kesan suku Rasulullah s.a.w di masjid itu. Juga dapat menikmati buah delima yang sangat lazat," katanya.

Pakej umrah itu akan diiringi Ustaz Sasmudi Putra Mohd Shit dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam.

Pada 6 Ogos hingga 18 Ogos lalu, Rabbani menganjurkan Pakej Umrah Cinta Rasul yang pertama juga dengan kerjasama TH Travel & Services.



GEMBIRA... Jemaah Pakej Umrah Cinta Rasul yang pertama pada Ogos lalu merakamkan kenangan di Makkah.